



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**TARAF MASTAUTIN SYARIKAT
DAN KUMPULAN ORANG**

KETETAPAN UMUM NO. 9/2019

TARIKH PENERBITAN: 6 DISEMBER 2019



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 16 Mei 2011

© 2019 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Kepentingan Taraf Mastautin	1
5. Penentuan Taraf Mastautin Syarikat dan Kumpulan Orang	9
6. Taraf Mastautin Kekal Selepas Ditentukan	16
7. Dua Taraf Mastautin dan Perjanjian Pengelakkan Pencukaaian Dua Kali	17
8. Dokumen yang Diperlukan untuk Menentukan Taraf Mastautin Syarikat	17
9. Kemaskini dan Pindaan	18
10. Penafian	19

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Ketetapan Umum (KU) ini menerangkan penentuan taraf mastautin syarikat dan kumpulan orang.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 8 dan subseksyen 61(3).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Kumpulan orang" bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (bukan sebagai suatu syarikat) termasuklah koperasi, kelab, persatuan, amanah dan Keluarga Sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian.
- 3.2 "Bukan pemastautin" bermaksud selain daripada pemastautin di Malaysia seperti yang ditentukan di bawah seksyen 8 dan subseksyen 61(3) ACP.
- 3.3 "Keluarga Sekutu Hindu" bermaksud apa yang diketahui sebagai keluarga Hindu atau perwarisan bersama dalam sesuatu sistem undang-undang yang terdapat di India.
- 3.4 "Orang" termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.5 "Pemastautin" bermaksud pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) seperti yang ditentukan di bawah seksyen 8 dan subseksyen 61(3) ACP.
- 3.6 "Syarikat" bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

4. Kepentingan Taraf Mastautin

- 4.1 Taraf mastautin adalah suatu persoalan fakta dan ianya merupakan salah satu kriteria utama yang menentukan layanan cukai pendapatan serta kesan cukai ke atas sesebuah syarikat atau kumpulan orang.
- 4.2 Syarikat bermastautin dan syarikat bukan bermastautin di Malaysia dikenakan cukai mengikut cara yang sama berhubung perolehan dan keuntungan yang

terakru atau diperoleh dari Malaysia.

- 4.3 Perbezaan nyata dalam layanan cukai syarikat bermastautin dan bukan bermastautin adalah seperti berikut:

Perkara	Bermastautin	Tidak Bermastautin
Skop pengenaan	<p>a) Syarikat yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans, perkapalan dan pengangkutan udara - pendapatan dikenakan cukai atas skop pendapatan dunia.</p> <p>b) Syarikat lain - pendapatan terakru atau diperoleh dari Malaysia.</p>	Pendapatan yang terakru atau diperoleh dari Malaysia.
Pendapatan perniagaan	Dikenakan cukai jika dianggap diperoleh dari Malaysia.	Dikenakan cukai atas pendapatan perniagaan terakru dalam atau diperoleh dari Malaysia jika terdapat <i>establishment</i> tetap di Malaysia.
Perolehan dividen	<p>Dividen diagihkan oleh syarikat bermastautin dianggap diperoleh dari Malaysia.</p> <p>Dengan pengenalan sistem satu peringkat mulai 1.1.2008, dividen satu peringkat dikecualikan cukai di Malaysia.</p> <p>Mulai 1.1.2014, semua dividen yang diagihkan oleh syarikat bermastautin adalah dikecualikan cukai di Malaysia.</p>	Dividen diagihkan oleh syarikat bukan bermastautin tidak dianggap diperoleh dari Malaysia.

Perkara	Bermastautin	Tidak Bermastautin
Akaun seksyen 108 ACP	Syarikat bermastautin dikehendaki memotong cukai di bawah seksyen 108 ACP daripada dividen yang dianggap diperoleh dari Malaysia di bawah sistem <i>imputation</i> . Dengan pengenalan sistem satu peringkat yang dilaksanakan atas syarikat mulai 1.1.2014, seksyen 108 ACP tidak lagi terpakai.	Tidak terpakai.
Boleh menikmati manfaat perjanjian cukai	Terpakai.	Terpakai.
Pelepasan pencukaian dua kali	Terpakai.	Tidak terpakai.
Insentif di bawah ACP dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986	Terpakai.	Tidak terpakai.
Kadar cukai	<ol style="list-style-type: none"> 1) Seperti ditetapkan di perenggan 2, bahagian 1, Jadual 1, ACP. 2) Kadar cukai untuk syarikat dengan modal berbayar RM2.5 juta dan kurang pada permulaan tempoh asas (seperti diperuntukkan di bawah perenggan 2A, bahagian 1, Jadual 1, ACP) adalah seperti berikut: 	Seperti ditetapkan di perenggan 2, bahagian 1, Jadual 1, ACP.

Perkara	Bermastautin	Tidak Bermastautin
	<p>i) bagi setiap ringgit RM500,000 pertama - 17% mulai dari tahun taksiran 2019; dan</p> <p>ii) bagi setiap ringgit melebihi RM500,000 - 25% bagi tahun taksiran 2015 dan 24% untuk tahun taksiran berikutnya.</p> <p>Walau bagaimanapun, mengikut perenggan 2B, bahagian 1, Jadual 1, ACP yang telah diperkenalkan mulai tahun taksiran 2009, syarikat tidak layak memperoleh kadar cukai <i>preferential</i> di atas jika lebih daripada 50% modal berbayar berhubung saham biasa –</p> <p>a) syarikat itu dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan;</p> <p>b) syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat itu; atau syarikat itu dan syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.</p>	

Perkara	Bermastautin	Tidak Bermastautin
	<p>Syarikat berkaitan bermaksud syarikat yang mempunyai modal berbayar berhubung saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas untuk suatu tahun taksiran.</p> <p>3) Kadar cukai yang digunakan untuk syarikat insurans daripada perniagaan <i>inward re-insurance</i> atau perniagaan insurans luar pesisir adalah seperti ditentukan dalam perenggan 3, bahagian 1, Jadual 1 ACP.</p> <p>4) Kadar cukai yang digunakan bagi dana nyawa selain daripada pendapatan yang terbit daripada perniagaan <i>life re-insurance</i> dan perniagaan <i>inward life re-insurance</i>, bagi syarikat insurans bermastautin atau bukan bermastautin adalah seperti ditentukan dalam bahagian VIII, Jadual 1 ACP.</p> <p>5) Kadar cukai yang digunakan bagi dana keluarga di bawah seksyen 60AA ACP selain daripada pendapatan yang terbit daripada perniagaan <i>family solidarity re-takaful</i> dan perniagaan <i>inward family solidarity re-takaful</i></p>	

Perkara	Bermastautin	Tidak Bermastautin
	<p>bagi pengendali bermastautin atau bukan bermastautin adalah seperti ditentukan dalam bahagian XII, Jadual 1 ACP.</p>	
<p>Cukai pegangan</p>	<p>Tidak terpakai.</p>	<p>Penerimaan tertentu mungkin tertakluk kepada cukai pegangan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Faedah¹ (kecuali yang dikecualikan) (cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP - cukai muktamad pada kadar seperti ditetapkan di bahagian II, Jadual 1 ACP); ii) Royalti¹ (cukai pegangan di bawah seksyen 109 ACP - cukai muktamad pada kadar seperti ditetapkan di bahagian II, Jadual 1, ACP); iii) Pendapatan kelas khas di bawah seksyen 4A ACP (cukai pegangan di bawah seksyen 109B ACP - cukai muktamad pada kadar seperti ditetapkan di bahagian V Jadual 1 ACP); iv) Bahagian perkhidmatan bayaran kontrak (cukai pegangan di

Perkara	Bermastautin	Tidak Bermastautin
		<p>bawah seksyen 107A ACP);</p> <p>v) Pengagihan pendapatan daripada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REITs) yang dikecualikan di bawah seksyen 61A ACP (cukai pegangan di bawah seksyen 109D ACP - cukai muktamad pada kadar seperti ditetapkan di bahagian X, Jadual 1 ACP);</p> <p>vi) Pengagihan pendapatan dana keluarga, dana <i>re-takaful</i> keluarga atau dana am di bawah seksyen 60AA ACP (cukai pegangan di bawah seksyen 109E ACP pada kadar seperti ditetapkan di bahagian XI, Jadual 1 ACP); dan</p> <p>vii) Pendapatan lain¹ yang terjatuh di bawah perenggan 4(f) ACP (cukai pegangan di bawah seksyen 109F ACP - cukai muktamad pada kadar seperti ditetapkan di bahagian XIII, Jadual 1 ACP).</p>

¹Rujukan perlu dibuat kepada perjanjian pengelakkan pencukaaian dua kali untuk sebarang perbezaan dalam kadar cukai, jika berkaitan.

4.4 Perbezaan nyata dalam layanan cukai kumpulan orang yang bermastautin dan bukan bermastautin adalah seperti berikut:

Kategori	Bermastautin	Tidak Bermastautin
Keluarga Sekutu Hindu	Pelepasan diri RM9,000 boleh dituntut. Dicukai pada kadar skala yang digunakan untuk individu bermastautin seperti ditetapkan di perenggan 1, bahagian 1, Jadual 1 ACP.	Pelepasan diri tidak berkaitan. Dicukai mengikut peruntukan am ACP yang berkaitan dengan bukan pemastautin dan pada kadar cukai seperti ditetapkan di perenggan 1A, bahagian 1, Jadual 1 ACP.
Persatuan Perdagangan	Pengecualian cukai pendapatan terpakai kepada pendapatan berkanun yang diperoleh daripada yuran keahlian. Dicukai pada kadar skala yang digunakan untuk individu bermastautin seperti ditetapkan di perenggan 1, bahagian 1, Jadual 1 ACP.	Pengecualian cukai pendapatan tidak berkaitan. Dicukai mengikut peruntukan am ACP yang berkaitan dengan bukan pemastautin dan pada kadar cukai seperti ditetapkan di perenggan 1A, bahagian 1, Jadual 1 ACP.
Badan Amanah	Kadar cukai seperti ditetapkan di perenggan 2, bahagian 1, Jadual 1 ACP.	Dicukai mengikut peruntukan am ACP yang berkaitan dengan bukan pemastautin dan pada kadar cukai seperti ditetapkan di perenggan 1A, bahagian 1, Jadual 1 ACP.
Koperasi	Dicukai pada kadar skala yang digunakan untuk koperasi seperti ditetapkan di bahagian IV, Jadual 1, ACP.	Dicukai mengikut peruntukan am ACP yang berkaitan dengan bukan pemastautin dan pada kadar cukai seperti ditetapkan di perenggan 1A, bahagian I, Jadual 1 ACP.
Kelab, Pertubuhan, Persatuan	Dicukai pada kadar skala yang digunakan untuk individu seperti ditetapkan di perenggan 1, bahagian I, Jadual 1, ACP.	Dicukai mengikut peruntukan am ACP yang berkaitan dengan bukan pemastautin dan pada kadar cukai seperti ditetapkan di perenggan 1A, bahagian 1, Jadual 1 ACP.

5. Penentuan Taraf Mastautin Syarikat dan Kumpulan Orang

Syarikat dan kumpulan orang mesti memenuhi kriteria tertentu untuk dianggap bermastautin di Malaysia. Seksyen 8 ACP adalah peruntukan untuk menentukan taraf mastautin berhubung dengan Keluarga Sekutu Hindu, syarikat atau kumpulan orang (selain badan amanah), suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu amanah perniagaan manakala subseksyen 61(3) ACP memperuntukkan penentuan taraf mastautin bagi badan amanah.

5.1 Taraf mastautin Keluarga Sekutu Hindu

Mengikut perenggan 8(1)(a) ACP, Keluarga Sekutu Hindu adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran jika pengurus atau karta adalah pemastautin untuk tahun asas itu. Oleh itu, jika pengurus atau karta adalah bukan pemastautin, Keluarga Sekutu Hindu dianggap sebagai bukan bermastautin di Malaysia.

5.2 Syarikat atau kumpulan orang yang menjalankan perniagaan

Mengikut perenggan 8(1)(b) ACP, syarikat atau kumpulan orang (bukan Keluarga Sekutu Hindu) yang menjalankan perdagangan atau perniagaan adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk satu tahun taksiran jika pada bila-bila masa dalam tahun asas itu pengurusan dan pengawalan (seperti diterangkan di perenggan 5.7 KU ini) perniagaan atau mana-mana satu daripada perniagaannya dijalankan di Malaysia.

Contoh 1

Jet Ltd, syarikat yang ditubuhkan di Hong Kong mempunyai perniagaan di Hong Kong, Singapura dan Malaysia. Semua perniagaan syarikat diurus dan dikawal oleh ibu pejabat di Hong Kong kecuali untuk tempoh singkat dalam tahun 2018 apabila pengurusan dan pengawalan dijalankan di Malaysia. Ini disebabkan salah satu mesyuarat lembaga pengarah telah diadakan di Kuala Lumpur, di mana keputusan dasar penting dibuat, pada 28.6.2018 yang terjatuh dalam tahun asas untuk tahun taksiran 2018.

Jet Ltd bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran 2018 disebabkan pengurusan dan pengawalan yang melibatkan keputusan dasar penting dijalankan di Malaysia pada tahun 2018. Oleh itu pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan yang dijalankan di Malaysia tertakluk kepada cukai di Malaysia untuk tahun taksiran 2018.

Nota:

Jika syarikat tidak bermastautin di Malaysia, ia masih dikenakan cukai atas pendapatan yang diperoleh dari Malaysia. Syarikat bukan bermastautin dan orang selain daripada syarikat bermastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans atau pengangkutan laut atau udara dikecualikan cukai atas pendapatan yang diperoleh daripada punca luar Malaysia dan diterima di Malaysia.

Contoh 2

Simon Inc. ditubuhkan di Amerika Syarikat pada 2.1.2000 dan selepas sahaja penubuhannya, ia didaftarkan sebagai syarikat asing di Malaysia pada 2.3.2000. Simon Inc. (Malaysia) memulakan perniagaan memberikan perkhidmatan pengurusan dan perundingan di Malaysia. Sebahagian besar pendapatannya adalah daripada yuran yang dikenakan untuk perkhidmatan pengurusan, perundingan dan perkhidmatan lain yang diberikan kepada syarikat berkaitan, Simon (Malaysia) Sdn Bhd.

Lembaga pengarah Simon Inc. (Malaysia) terdiri daripada seorang warganegara Amerika yang memegang jawatan presiden dan 4 orang warganegara Malaysia yang memegang jawatan pengurus besar, pengarah (2 orang) dan akauntan. Walau bagaimanapun, pengurusan dan pengawalan Simon Inc. (Malaysia) telah dijalankan di Amerika Syarikat sejak penubuhan oleh lembaga pengarah di Amerika Syarikat.

Tempoh perakaunan kewangan Simon Inc. (Malaysia) adalah tahun kalendar. Syarikat mendakwa bermastautin di Malaysia dalam tahun taksiran 2018 disebabkan mesyuarat lembaga pengarah telah diadakan di Kuala Lumpur pada 30.11.2018. Penemuan audit mendapati mesyuarat lembaga pengarah tidak diadakan pada tarikh berkenaan tetapi sebaliknya sesi promosi dan penjualan telah diadakan.

Memandangkan mesyuarat lembaga pengarah tidak diadakan di Malaysia pada 30.11.2018, pengurusan dan pengawalan syarikat tidak dijalankan di Malaysia dalam tahun taksiran 2018. Oleh itu, Simon Inc. (Malaysia) tidak bermastautin di Malaysia untuk tahun taksiran 2018.

5.3 Syarikat atau kumpulan orang yang lain

Mengikut perenggan 8(1)(c) ACP, mana-mana syarikat atau kumpulan orang (bukan Keluarga Sekutu Hindu) adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran jika pada bila-bila masa dalam tahun asas itu pengurusan dan pengawalan (seperti diterangkan di perenggan 5.7 KU ini) hal ehwalnya dijalankan di Malaysia oleh pengarahnya atau pihak berkuasa lain yang mengawalinya seperti lembaga pengurusan/pengarah. Bagi syarikat pemegang pelaburan, pengurusan dan pengawalan hal ehwal syarikat termasuk pengurusan dan keputusan penting berkaitan pelaburan.

Contoh 3

Smart Holdings Sdn Bhd (SHSB), sebuah syarikat pemegang pelaburan telah ditubuhkan di Malaysia pada 2.1.2006. SHSB dimiliki sepenuhnya oleh Smart Holding Ltd, syarikat induk di British Virgin Islands. Syarikat induk ini dimiliki sepenuhnya oleh Smart Construction Holding Ltd, syarikat induk utama di Bermuda.

Lembaga pengarah SHSB terdiri daripada 7 orang pengarah, yang mana 5 orang adalah warganegara dan pemastautin Hong Kong manakala yang 2 lagi adalah rakyat Malaysia. Mesyuarat lembaga pengarah diadakan di kedua-dua negara Hong Kong dan Malaysia. Mesyuarat yang telah diadakan di Hong Kong hanya dihadiri oleh 4 orang pengarah dari Hong Kong yang berpengalaman luas dalam pelaburan dan kewangan. Mesyuarat juga diadakan di Malaysia tetapi dihadiri oleh 2 orang pengarah rakyat Malaysia dan komunikasi dengan pengarah dari Hong Kong adalah melalui *video conferencing* dan telefon. Daripada minit mesyuarat, didapati semua keputusan berhubung pelaburan, pengurusan saham, kewangan dan pentadbiran SHSB telah dibuat di Hong Kong oleh 4 orang pengarah di Hong Kong. Mesyuarat yang diadakan di Malaysia hanya melaporkan perkara yang telah diputuskan di Hong Kong.


SHSB tidak mempunyai premis perniagaan di Malaysia. Pendapatan dividen adalah daripada pelaburan dalam syarikat Australia, Smart Co. Ltd di Sydney dan pendapatan faedah adalah daripada simpanan tetap di beberapa negara. Pendapatan SHSB tidak diremit ke Malaysia. SHSB tidak mempunyai akaun bank di Malaysia dan semua pendapatannya diremit ke akaun bank di Hong Kong.

SHSB mendakwa ia bermastautin di Malaysia mulai tahun taksiran 2006 dan seterusnya disebabkan pengurusan dan pengawalan hal ehwalnya dijalankan di Malaysia oleh pengarahnya.

Nota:

Jika SHSB bermastautin di Malaysia, pendapatan dividen dari Australia tertakluk kepada cukai pada kadar 15% atas pendapatan kasar mengikut Artikel 10 Perjanjian Pengelakkan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK) di antara Malaysia dan Australia dan bukan pada kadar cukai 30% yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai Australia berdasarkan undang-undang percukaaian domestik Australia.

Situasi di atas boleh diringkaskan seperti berikut:



Walaupun SHSB mendakwa bahawa terdapat mesyuarat lembaga pengarah diadakan di Malaysia tetapi mesyuarat tidak berkaitan kepada keputusan dasar yang perlu dipatuhi oleh SHSB. Semua keputusan berhubung dengan pelaburan, pengurusan saham, kewangan dan pentadbiran dibuat oleh pengarah di Hong Kong dalam mesyuarat lembaga pengarah yang diadakan di Hong Kong. Oleh itu, pengurusan dan pengawalan urusan SHSB tidak dianggap dijalankan di Malaysia dan SHSB tidak bermastautin di Malaysia mulai tahun taksiran 2006.

5.4 Taraf mastautin subsidiari atau cawangan syarikat asing di Malaysia

Syarikat asing biasanya meluaskan aktiviti perniagaan mereka ke Malaysia dengan memperbadankan subsidiari di Malaysia atau mendaftarkan cawangan di Malaysia. Taraf mastautin subsidiari syarikat asing ditentukan oleh perenggan 8(1)(b) dan 8(1)(c) ACP. Cawangan syarikat asing di Malaysia secara amnya dilayan sebagai bukan bermastautin di Malaysia kecuali jika dapat ditentukan bahawa pengurusan dan pengawalan hal ehwalnya atau

perniagaannya atau salah satu perniagaan syarikat asingnya dijalankan di Malaysia.

Dengan kata lain, cawangan syarikat asing dikawal dan diuruskan oleh syarikat induk di luar negara dan secara amnya dianggap sebagai bukan bermastautin di Malaysia. Walau bagaimanapun, jika syarikat asing yang mempunyai cawangan di Malaysia mendakwa bahawa cawangannya di Malaysia adalah bermastautin di Malaysia, ia harus membuktikan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia bahawa pengurusan dan pengawalan hal ehwalnya atau perniagaannya atau salah satu perniagaan syarikat asingnya dijalankan di Malaysia.

5.5 Taraf mastautin perkongsian liabiliti terhad (PLT)

Sebuah PLT boleh ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan atau pelaburan. Taraf mastautin PLT yang menjalankan aktiviti tersebut ditentukan seperti berikut:

- (i) Menurut perenggan 8(1A)(a) ACP, sesebuah PLT yang menjalankan perniagaan adalah bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran jika pada bila-bila masa dalam tahun asas tersebut, pengurusan dan kawalan perniagaan atau mana-mana satu perniagaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dijalankan di Malaysia; dan
- (ii) Menurut perenggan 8(1A)(b) ACP, lain-lain PLT bermastautin di Malaysia bagi tahun asas suatu tahun taksiran jika pada bila-bila masa dalam tahun asas tersebut, pengurusan dan kawalan hal ehwalnya dijalankan di Malaysia oleh pekongsi.

Sekiranya PLT asing mengembangkan aktiviti perniagaan di Malaysia, taraf mastautin ditentukan mengikut perenggan 8(1A)(a) dan 8(1A)(b) ACP.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 5/2015 bertajuk Pencukaian Perkongsian Liabiliti Terhad yang boleh dimuat turun daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

5.6 Taraf mastautin amanah perniagaan

Suatu amanah perniagaan adalah bermastautin di Malaysia pada tahun asas bagi suatu tahun taksiran jika pengurus pemegang amanah bagi suatu amanah perniagaan itu bermastautin di Malaysia. Pengurus pemegang amanah bagi suatu amanah perniagaan bermastautin pada tahun asas bagi suatu tahun taksiran jika –

- (i) pengurus pemegang amanah di dalam kapasitinya telah menjalankan perniagaan amanah perniagaan tersebut di Malaysia, dan

- (ii) pengurusan dan kawalan bagi perniagaan amanah perniagaan tersebut dilakukan di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 10/2013 bertajuk Pencukaian Amanah Perniagaan yang boleh dimuat turun daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

5.7 Pengurusan dan pengawalan

- (i) Pengurusan dan pengawalan adalah faktor utama yang digunakan untuk menentukan taraf mastautin syarikat di Malaysia. Pengurusan dan pengawalan merujuk kepada kuasa untuk mengawal yang menentukan dasar yang perlu dipatuhi oleh syarikat. Pengurusan dan pengawalan dianggap dijalankan di tempat di mana pengarah bertemu untuk mengendalikan perniagaan/urusan syarikat tanpa mengira di mana syarikat diperbadankan. Pengurusan dan pengawalan perniagaan syarikat bergantung kepada bagaimana perniagaan diuruskan.

Jika, pada bila-bila masa dalam tahun asas untuk satu tahun taksiran sekurang-kurangnya satu mesyuarat lembaga pengarah diadakan di Malaysia berhubung pengurusan dan pengawalan syarikat, walaupun semua mesyuarat lain diadakan di luar Malaysia, syarikat adalah bermastautin di Malaysia untuk tahun asas itu.

Contoh 4

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1.

Pengurusan dan pengawalan dianggap dijalankan di Malaysia pada 28.6.2018 apabila lembaga pengarah mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur. Walaupun hanya satu mesyuarat lembaga pengarah diadakan di Malaysia dalam tahun taksiran 2018, Jet Ltd dianggap bermastautin di Malaysia disebabkan pengurusan dan pengawalan dijalankan di Malaysia dalam tahun asas untuk tahun taksiran 2018.

Contoh 5

Brad Inc diperbadankan di Amerika Syarikat dan beroperasi di Malaysia melalui cawangannya sejak 2015. Tempoh perakaunan kewangan Brad Inc. berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Untuk tahun 2016 hingga 2018, semua mesyuarat lembaga pengarah diadakan di Malaysia. Semua keputusan dasar penting syarikat asing telah dibuat semasa mesyuarat lembaga pengarah.

Pengurusan dan pengawalan Brad Inc yang melibatkan keputusan dasar penting dijalankan di Malaysia untuk tahun 2016 hingga 2018 kerana semua mesyuarat lembaga pengarah diadakan di Malaysia. Oleh itu, Brad Inc bermastautin di Malaysia untuk tahun asas untuk tahun taksiran 2016 hingga 2018. Oleh itu, pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan yang dijalankan di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai di Malaysia bagi tahun taksiran 2016 hingga 2018.

- (ii) Lokasi aktiviti perdagangan atau tempat operasi fizikal tidak semestinya menjadi tempat pengurusan dan pengawalan. Syarikat yang menjalankan aktiviti perdagangan di Malaysia tidak bermastautin di Malaysia jika didapati bukan hanya aktiviti perdagangan seperti pembuatan atau pengeluaran dan penjualan dikawal di luar negara tetapi mesyuarat pemegang saham dan pengarah, dalam mana semua urusan penting dikendalikan dan dikawal, juga diadakan di luar negara.

Contoh 6

Ching Mart Stores Inc. adalah kedai jualan runcit barangan mewah di negara China. Ia telah menubuhkan perniagaan di Kuala Lumpur yang mengendalikan aktiviti perdagangan tetapi pengurusan dan kawalan dijalankan oleh syarikat induk di negara China.

Walaupun operasi fizikal syarikat dijalankan di Malaysia tetapi pengurusan dan pengawalan syarikat dijalankan di luar Malaysia. Oleh itu, syarikat tidak bermastautin di Malaysia.

- (iii) Perlantikan pengarah tempatan atau lembaga pengarah tempatan di Malaysia tidak menentukan taraf mastautin syarikat. Jika kuasa kawalan dijalankan oleh pengarah yang berada di ibu pejabat syarikat di luar negara, maka syarikat tidak bermastautin di Malaysia.

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 kecuali 2 pengarah tempatan dari Malaysia tidak terlibat dengan keputusan dasar yang mengawal dan menentukan perjalanan syarikat. 2 pengarah tersebut hanya menjalankan fungsi formal yang ditugaskan oleh pengarah yang mengawal yang berada di Amerika Syarikat.

Walaupun 2 pengarah tempatan dari Malaysia telah dilantik untuk menganggotai lembaga pengarah tetapi semua dasar dan keputusan dibuat oleh lembaga pengarah di ibu pejabat di Amerika Syarikat. Oleh itu, pengurusan dan pengawalan tidak dijalankan di Malaysia dan syarikat tidak bermastautin di Malaysia.

- (iv) Pengawalan oleh pengarah menentukan pengurusan dan pengawalan syarikat. Pengarah menggunakan kuasa dalam pengurusan urusan syarikat mengikut kuasa yang diberikan kepada mereka di bawah Tataurus Pertubuhan (Articles of Association) atau sebagai mana yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 2016. Walau bagaimanapun, pengawalan oleh pemegang saham tidak relevan untuk menentukan pengurusan dan pengawalan syarikat kerana pemegang saham hanya menggunakan kuasa mereka ke atas syarikat mengikut kuasa mengundi di mesyuarat formal pemegang saham.
- (v) Taraf mastautin seseorang pengarah tidak menentukan taraf mastautin sebuah syarikat.

5.8 Taraf mastautin badan amanah

Mengikut subseksyen 61(3) ACP, sebuah badan amanah dianggap bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran hanya jika mana-mana pemegang amanah badan amanah adalah bermastautin dalam tahun asas itu. Walau bagaimanapun badan amanah tidak dianggap sebagai pemastautin jika:

- (i) amanah ditubuhkan di luar Malaysia oleh orang atau orang-orang yang bukan warganegara Malaysia;
- (ii) pendapatan badan amanah untuk tahun asas itu diperolehi sepenuhnya dari luar Malaysia;
- (iii) amanah ditadbir bagi seluruh tahun asas di luar Malaysia; dan
- (iv) sekurang-kurangnya setengah bilangan ahli pemegang amanah tidak bermastautin di Malaysia bagi tahun asas itu.

6. Taraf Mastautin Kekal Selepas Ditetapkan

Mengikut subseksyen 8(2) ACP, apabila telah ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia bahawa sebuah syarikat adalah bermastautin di Malaysia untuk suatu tahun taksiran, syarikat itu dianggap bermastautin di Malaysia untuk setiap tahun taksiran yang berikut sehingga dibuktikan sebaliknya.

Contoh 8

Rich Ltd, syarikat diperbadankan di Taiwan menjalankan perniagaan di Taiwan, Singapura dan Malaysia. Tahun perakaunan kewangan syarikat adalah 30 Jun. Semua keputusan penting yang memberi kesan ke atas syarikat dibuat di mesyuarat lembaga pengarah, yang semuanya dikendalikan di Taiwan kecuali satu mesyuarat yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15.5.2018.

Memandangkan terdapat satu mesyuarat lembaga pengarah diadakan di Kuala Lumpur pada 15.5.2018, pengurusan dan kawalan dianggap dijalankan di Malaysia dan syarikat adalah bermastautin di Malaysia untuk tahun taksiran 2018. Syarikat akan terus dianggap pemastautin Malaysia untuk tahun taksiran 2019 dan tahun taksiran berikutnya sehingga dibuktikan sebaliknya.

7. Dua Taraf Mastautin dan Perjanjian Pengelakkan Percukaian Dua Kali

7.6 Malaysia telah memasuki perjanjian dengan beberapa negara untuk mengelakkan pencukaian dua kali dengan memperuntukkan hak mencukai atas aliran pendapatan dua hala di antara negara pejanji yang berkenaan.

7.7 Dua taraf mastautin dielakkan di antara Malaysia dan negara yang mempunyai perjanjian cukai dengan Malaysia. Perjanjian tersebut memperuntukkan artikel pemutus untuk menentukan taraf mastautin di satu negara sahaja. Peruntukan pemutus berbeza mengikut setiap perjanjian cukai.

7.8 Artikel berhubung mastautin lazimnya adalah Artikel 4 PPPDK yang menyatakan ujian bagi taraf mastautin dan pemutus untuk dua taraf mastautin. Ujian pemutus dalam perjanjian memperuntukkan bahawa pemastautin di dua negara dilayan sebagai pemastautin salah sebuah negara pejanji sahaja untuk tujuan perjanjian tersebut. Syarat-syarat PPPDK yang berkaitan harus dirujuk apabila menentukan liabiliti cukai. Walau bagaimanapun, taraf mastautin Malaysia masih digunakan untuk tujuan pemakaian am undang-undang domestik supaya pendapatan syarikat dan kumpulan orang kekal tertakluk kepada cukai Malaysia.

8. Dokumen yang Diperlukan untuk Menentukan Taraf Mastautin Syarikat

Apabila perdagangan dan pengurusan serta pengawalan dijalankan di luar Malaysia tetapi mesyuarat tertentu pengarah diadakan di Malaysia, dokumen berikut boleh membantu dalam menentukan taraf mastautin syarikat:

- (i) Tataurus dan Memorandum Pertubuhan, perlembagaan atau sebagai mana yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 2016 untuk menentukan di mana syarikat didaftarkan dan sama ada atau tidak terdapat peruntukan berhubung permastautinan dalam artikel itu;
- (ii) jika artikel menyatakan tempat pengurusan dan pengawalan, sama ada artikel itu dilaksanakan atau tidak;
- (iii) kepala surat syarikat;
- (iv) minit mesyuarat pengarah yang menunjukkan di mana mesyuarat diadakan dan apakah keputusan berhubung dengan pengurusan dan pengawalan yang telah diterima pakai; dan
- (v) minit mesyuarat am untuk menunjukkan di mana mesyuarat itu diadakan dan perkara yang berlaku semasa mesyuarat tersebut.

9. Kemaskini dan Pindaan

	Pindaan	
	Perenggan	Pindaan
<p>KU ini menggantikan KU No. 5/2011 bertarikh 16 Mei 2011.</p>	Kandungan KU ini telah dipinda seperti berikut:	
	4.3	<p>Penjelasan item “Perolehan dividen” dipinda.</p> <p>Item “Akaun seksyen 108 ACP 1967 untuk <i>franked dividend</i>” dalam KU terdahulu dipinda.</p> <p>Penjelasan item “Kadar cukai” dipinda.</p>
	5.2	Contoh 1 dan 2 dikemaskini.
	5.4	Perenggan 5.4 dipinda.
	5.5	Perenggan baharu ditambah.
	5.6	Perenggan baharu ditambah.
	5.7	<p>Perenggan 5.5 terdahulu dinomborkan semula kepada perenggan 5.7.</p> <p>Contoh 4 dikemaskini.</p> <p>Contoh baharu, Contoh 5 dimasukkan.</p> <p>Contoh 5 dan 6 dalam KU terdahulu dinomborkan semula kepada Contoh 6 dan 7.</p> <p>Contoh 7 dalam KU terdahulu dipinda dan dinomborkan semula kepada Contoh 8.</p>
	5.8	Perenggan 5.6 terdahulu dinomborkan semula kepada perenggan 5.8.



10. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**